



## SIARAN MEDIA

## LTAT Umum Agihan Dividen Tertinggi Dalam Tujuh Tahun

*Peningkatan dicatatkan dalam semua indikator kewangan utama*

**KUALA LUMPUR, 27 MAC 2025** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") hari ini mengumumkan pengagihan dividen sebanyak 5% serta bonus dividen 0.25% bagi tahun kewangan 2024 ("TK2024").

Jumlah agihan ini bernilai RM514.20 juta, meningkat berbanding RM485.08 juta yang dibayar pada tahun 2023, menjadikannya jumlah agihan dividen tertinggi LTAT dalam tempoh tujuh tahun kebelakangan. Agihan ini memberi manfaat kepada 125,014 pencarum, yang terdiri daripada anggota Angkatan Tentera Malaysia ("ATM"). Selain itu, ia juga menggambarkan tahun ketiga berturut-turut LTAT mengekalkan dividen pada kadar 5%, mencerminkan pemuliharan kukuh, prestasi mampan serta kestabilan dana.

### Tinjauan Prestasi Kewangan

Tahun	Kadar Dividen (%)	Jumlah Agihan (RM Juta)	Aset di Bawah Pengurusan (RM Bn)	Jumlah Pendapatan (RM Juta)	Keuntungan Bersih (RM Juta)	Rizab Terkumpul (RM Juta)
2020	3.50	310.69	9.26	341.08	134.91	(182.39)
2021	4.10	379.42	9.77	513.84	382.86	4.58
2022	5.00	476.45	10.33	651.84	432.47	160.62
2023	5.00	485.08	13.04	734.22	475.13	387.67
2024	5.25	514.20	13.60	752.60	587.50	1,010.99

*Jadual: Indikator kewangan utama dalam tempoh lima (5) tahun*

LTAT terus memperkuuh kedudukan kewangannya dengan peningkatan tahun ke tahun secara konsisten dalam semua petunjuk prestasi utama.

Bagi tempoh yang ditinjau, LTAT telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM753 juta, meningkat 2.5% berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh usaha kepelbagaiannya aset serta pulangan lebih tinggi daripada Aset Strategik, mencerminkan pengurusan portfolio yang disiplin dan komitmen terhadap pertumbuhan yang mampan.

Keuntungan bersih juga terus meningkat positif, dengan lonjakan sebanyak 23.7% kepada RM588 juta bagi TK2024 berbanding tahun sebelumnya, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang kukuh serta pengurusan kos yang berhemat. Sejak tahun 2022, keuntungan bersih LTAT berkembang secara konsisten melebihi RM400 juta setiap tahun, sekali gus mengukuhkan lagi pendapatan yang terkumpul.

Dalam pada itu, rizab terkumpul LTAT mencatatkan peningkatan sebanyak 160.6% tahun ke tahun, mencapai RM1,011 juta bagi tempoh yang dilapor. Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut di mana jumlah rizab meningkat melebihi 100% setiap tahun sejak 2021, mencerminkan keberkesanan strategi pelaburan yang berdisiplin dan pengurusan proaktif terhadap aset-aset legasi.

Ketua Eksekutif LTAT, En. Mohammad Ashraf Md. Radzi, berkata "*Prestasi kewangan tahun ini adalah bukti kekuatan ekonomi domestik Malaysia, di mana pelaburan LTAT adalah 100% berasaskan pasaran tempatan. Ia juga mencerminkan keberkesanan dasar kerajaan yang kukuh – baik dari segi kawal selia mahupun pembangunan – yang telah mewujudkan persekitaran pelaburan dan perniagaan yang stabil. Pencapaian ini juga mengukuhkan lagi kejayaan Rangka Kerja Ekonomi MADANI dalam membina pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, ia turut mencerminkan komitmen LTAT di bawah Kementerian Pertahanan untuk memenuhi mandat kepada pencarum, yang majoritinya adalah bumiputera dan sebahagian besar terdiri daripada kumpulan B40, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI.*"

*"Berdasarkan momentum ini, keutamaan kami adalah untuk menyegerakan usaha penstruktur semula dan mengimbangi semula portfolio, terutamanya dalam menangani risiko tumpuan berlebihan. Hasil daripada pelaburan akan diagihkan secara strategik kepada aset cair, bagi memastikan LTAT selaras dengan amalan terbaik pengurusan dana global,"* tambah beliau.

Pengerusi LTAT, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM (B), turut menyatakan keyakinannya: "*Tahun ini, LTAT mencatatkan prestasi terbaik dalam tujuh (7) tahun, mencerminkan keputusan pelaburan yang berhemah, pelaksanaan yang berdisiplin serta fokus jelas terhadap penciptaan nilai jangka panjang. Dengan pelan penstruktur yang telah diluluskan serta Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik yang disemak secara berkala, kami komited untuk terus mengoptimumkan portfolio dan meningkatkan daya tahan. Kami juga akan terus memperkuuh tadbir urus serta pengawasan terhadap Kumpulan Syarikat LTAT, bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi."*"

### **Melangkaui Dividen: Memperkuuh Masa Depan Kewangan Pencarum**

Selain daripada pengumuman dividen, LTAT turut mengumumkan pemilihan lima kem tentera di bawah inisiatif "Kem SANTUNI MADANI" dengan kerjasama Syarikat Kumpulan LTAT. Menerusi inisiatif ini, LTAT dan syarikat berkaitan akan menangani cabaran yang dihadapi oleh kem-kem ini, termasuk penambahbaikan infrastruktur, inisiatif pemeriksaan kewangan, serta program sokongan komuniti yang lain.

Inisiatif ini sebahagian daripada komitmen LTAT yang berterusan untuk memperkuuh hubungan dengan pencarum. LTAT terus mengutamakan program bersama pencarum, terutamanya dalam program-program celik kewangan seperti pengurusan kewangan, perlindungan sosial, dan faedah persaraan. Setakat Februari, seramai 24,978 anggota ATM di seluruh negara telah menghadiri program celik kewangan ini.

Menyusuli kejayaan Minggu Bersama Pencarum: Jelajah Sarawak, LTAT telah meluaskan program ini pada tahun 2024 menerusi Jelajah Selatan, yang memberi peluang kepada pencarum di negeri-negeri selatan untuk mendapatkan sokongan serta meningkatkan kesedaran terhadap pengurusan kewangan mereka.

"Melangkah ke hadapan, LTAT akan terus mengukuhkan hubungan secara langsung dengan pencarum di seluruh negara. Kami komited untuk memperluaskan inisiatif celik kewangan dan akan mengumumkan lokasi seterusnya bagi program Minggu Bersama Pencarum Jelajah LTAT 2025. Selain itu, kami juga teruja untuk menganjurkan Larian Wira, sebuah acara yang melambangkan penghargaan serta sokongan masyarakat awam terhadap anggota tentera," kata En. Mohammad Ashraf Md. Radzi.

Majlis pengumuman ini turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Mohd Nizam bin Jaffar, serta Pengurus LTAT, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (B) dan tetamu kehormat lain.

*Dividen bagi tahun kewangan 2024 akan dikreditkan ke akaun pencarum pada Jumaat, 28 Mac 2025. Pencarum boleh menyemak penyata mereka melalui aplikasi mudah alih MyWIRA atau melayari laman web rasmi LTAT di [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my). Aplikasi MyWIRA boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple App Store.*

-TAMAT-

## PERHUBUNGAN MEDIA

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)